

# Kampus UA ada pusat kitar semula

UTUSAN MALAYSIA 26/4/2017 p.26

**K**EBANYAKAN kerajaan, syarikat korporat dan komuniti di seluruh dunia berikrar untuk mempertahankan alam sekitar sempena Hari Bumi pada 22 April lalu, manakala syarikat minuman Coca-Cola pula menggalakkan generasi muda memelihara alam sekitar di samping mengurangkan kadar pelepasan gas rumah hijau menerusi usaha pengurangan (*reduce*), penggunaan semula (*reuse*) dan kitar semula (*recycle*) bahan.

Coca-Cola kini bekerjasama sekali lagi dengan Universiti Putra Malaysia (UPM) yang juga merupakan salah satu universiti hijau di negara ini, untuk menjadikan tabiat kitar semula sebahagian gaya hidup kalangan para belia.

Perkongsian kerjasama sektor swasta dan awam itu bermula pada tahun 2013 dengan program *Recycle to Cycle*, satu usaha inovatif pertama seumpamanya di Malaysia yang menggalakkan pelajar mengitar semula botol plastik PET (*Polyethylene Terephthalate*) dan tin aluminium sebagai tukaran bagi penggunaan basikal dan topi keledar keselamatan untuk berulang-alik ke kelas. Program tersebut berjaya mengurangkan kadar pelepasan karbon, sekaligus menyaksikan pengurangan penggunaan motosikal persendirian di kampus.

Bermula dengan sejumlah 200 basikal, program itu

bertindak sebagai pemangkin menjadikan UPM kampus yang lebih hijau. Kini sebanyak 7,000 basikal dimiliki pelajar di kampus Serdang menerusi skim bayaran ansuran.

Hari ini, kerjasama yang memasuki fasa baru itu, akan dikembangkan ke universiti awam (UA) lain di Semenanjung Malaysia. Program *Recycling@U* yang diterajui UPM adalah satu usaha kitar semula dan kempen kesedaran yang mempunyai Pusat Kitar Semula yang diselenggarakan oleh pelajar di universiti masing-masing.

Pengerusi Lembaga Pengarah UPM, **Profesor Emeritus Tan Sri Dr Syed Jalaludin Syed Salim** berkata, pendidikan adalah asas kepada kemajuan perlunya membentuk warga global supaya faham akan konsep perubahan iklim serta sedar akan ancaman yang tidak diduga terhadap bumi.

“Aktiviti seperti kitar semula boleh membantu mengurangkan perubahan iklim. Menerusi pendidikan, kita boleh memperkasa seseorang itu dan membuka ruang untuk mereka berinspirasi memelihara alam sekitar.

“Saya berharap kerjasama kedua-dua pihak ini akan berterusan kepada skala yang lebih luas lagi serta untuk satu jangka masa yang panjang,” katanya.

Projek tersebut menyaksikan pembinaan pusat kitar semula

di UA terbabit dan pelaksanaan kempen kesedaran bagi memupuk tabiat kitar semula.

Ia dibiayai The Coca-Cola Foundation, *Recycling@U* menyaksikan dana keseluruhan dikeluarkan berjumlah RM1.6 juta.

Dalam pada itu, Pengurus Negara Malaysia-Singapura-Brunei Coca-Cola, **Ahmed Yehia** berkata, semua pihak mengetahui bahawa program 3R dapat membantu memelihara sumber yang ada dan memelihara alam sekitar selain mengurangkan pelepasan gas rumah hijau.

Katanya, program *Recycling@U* adalah satu cara bagaimana syarikatnya bekerjasama dengan komuniti setempat untuk membuat perubahan positif.

“Kami melaksanakan strategi meningkatkan kelestarian pembungkusan kami dan mencari jalan mengelakkannya menjadi bahan buangan.

“Kami sedar usaha sebenar kelestarian memerlukan tindakan yang pelbagai termasuklah antaranya pembabitan pengguna, menyokong keperluan perubahan polisi, mengadakan kerjasama dengan rangkaian pengedaran, membangunkan teknologi yang diperbaharui dan pelbagai lagi.

“Sudah tentu ia memerlukan pembinaan sebuah sistem melibatkan orang ramai, institusi dan teknologi dapat bekerja bersama bagi mengurangkan, mereka bentuk semula, memulihkan, kitar semula dan guna semula bungkusan yang ada,” kata Ahmed.

Dalam meraikan sambutan Hari Bumi, program hari ini turut menyaksikan projek kelestarian yang diusahakan oleh 25 sekolah dan universiti membabitkan hampir 1,000 belia.

Yang turut hadir adalah syarikat Kloth and GreenTech Malaysia serta Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat) UPM, Prof. Dr. Ir. Renuganth Varatharajoo.

Program tersebut menekankan pilihan hijau, yang boleh diterapkan dalam kehidupan harian, dengan memilih untuk membeli barangan yang dihasilkan daripada fabrik buatan daripada botol plastik yang telah dikitar semula.



(DARI kiri) Ahmed Yehia, Dr. Syed Jalaludin Syed Salim dan Ir. Renuganth Varatharajoo menunjukkan isyarat bagus pada pelancaran program *Recycling@U* di UPM Serdang baru-baru ini.